



**UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

**DASAR  
PENCEGAHAN  
PLAGIARISME  
UNTUK PELAJAR  
PASCA SISWAZAH**

**EDISI 1 TAHUN 2013**

Kelulusan Senat: 4 Disember 2013

DISEDIAKAN OLEH:  
PUSAT PENGAJIAN SISWAZAH

**DASAR PENCEGAHAN PLAGIARISME UNTUK PELAJAR PASCA SISWAZAH**  
**UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**  
Kelulusan Senat: 4 Disember 2013

**1.0 PENGENALAN**

- 1.1 Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia pada tahun 2010 telah menjalankan kajian Wibawa, Integriti dan Profesionalisme atau WIP 2010 sebagai langkah permulaan untuk menganalisis situasi semasa wibawa, integriti dan profesionalisme di IPT Malaysia.
- 1.2 Satu aspek hilangnya integriti akademik ialah plagiarisme yang merupakan perbuatan seseorang yang mengatakan sesuatu idea, yang telah diterbitkan ataupun yang belum terbit, penulisan, karya atau ciptaan orang lain, merupakan usaha intelektualnya sendiri tanpa memberi penghargaan yang jelas tentang pengarang asal atau sumbernya.
- 1.3 Tindakan pencegahan plagiarisme boleh dilaksanakan termasuk dengan usaha-usaha seperti berikut:
  - a. Memberi penerangan kepada pelajar di awal pengajian mengenai gejala plagiarisme dan kesannya keatas mereka jika tersabit.
  - b. Menyelitkn tentang isu plagiarisme semasa mengadakan kursus atau sesi penerangan kepada pelajar mengenai kaedah penulisan tesis, disertasi dan projek;
  - c. Mensyaratkan pelajar menandatangani Surat Akujanji Pencegahan Plagiarisme sebaik sahaja pelajar mendaftar program.
  - d. Memberi penerangan kepada Penyelia Ppelajar kaedah untuk mengesan elemen plagiarisme dalam tesis/disertasi/laporan penyelidikan pelajar/laporan Projek Sarjana atau lain-lain penulisan ilmiah.
  - e. Menyediakan medium untuk pelajar membentangkan serta mempertahankan hasil kerja mereka menerusi sesi pembentangan di dalam kelas, seminar dan peperiksaan lisan.
- 1.4 Kaedah mengesan plagiarisme dalam hasil penulisan boleh dilaksanakan dengan cara di antaranya:
  - a. Menggunakan perisian pengesanan persamaan teks yang disediakan universiti atau lain-lain perisian yang berkaitan.
  - b. Membuat carian di internet.
  - c. Merujuk kepada sumber asli.
  - d. Mendapatkan penjelasan dari pelajar tentang hasil kerja yang dihasilkan.
- 1.5 Usaha mencegah plagiarisme adalah tanggungjawab bersama semua pihak, semoga dengan terhasilnya dasar ini, pelaksanaan dan pencegahannya akan menjadi lebih sistematik dan berhikmah.

## 2.0 SKOP

Dasar ini digunakan bagi semua pelajar pengajian pasca siwazah sama ada sepenuh masa atau separuh masa.

## 3.0 DEFINISI

- 3.1 “**Jawatankuasa Akademik Pengajian Siswazah**” merujuk kepada jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Universiti di Pusat Pengajian Siswazah untuk menyelaraskan dan menguruskan hal ehwal akademik serta peperiksaan pengajian siswazah.
- 3.2 “**Jawatankuasa Pengajian Siswazah**” merujuk kepada jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Senat Universiti untuk memperakukan dan melaporkan hal ehwal akademik serta peperiksaan pengajian siswazah kepada Senat.
- 3.3 “**Jawatankuasa Pengajian Siswazah Fakulti**” merujuk kepada jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Universiti di Fakulti untuk merancang dan mengawalselia program pengajian siswazah di peringkat Fakulti.
- 3.4 “**pekerja Universiti**” ertinya pekerja Universiti yang ditafsirkan di dalam Perlembagaan Universiti termasuklah felo, pascakedoktoran, sarjana pelawat, dan staf akademik, staf bukan akademik, staf penyelidikan, staf kontrak dan staf sementara yang dilantik oleh Universiti.
- 3.5 “**plagiarisme**” ertinya termasuklah perbuatan mengambil sesuatu idea, penulisan, data atau ciptaan orang lain dan mengaku bahawa idea, penulisan, data atau ciptaan itu ialah hasil dapatan atau ciptaannya sendiri; atau suatu cubaan untuk menonjolkan atau perbuatan menonjolkan, dengan apa-apa cara, bahawa dia ialah sumber asal atau pencipta sesuatu idea, penulisan, data atau ciptaan yang sebenarnya telah diambil daripada mana-mana sumber lain.
- 3.6 “**tesis**” ertinya merujuk kepada hasil penulisan yang dikemukakan oleh pelajar bagi memenuhi syarat keperluan program atau pengijazahan pengajian siswazah, termasuk laporan projek, disertasi penyelidikan bagi semua tahap dan jenis pengajian siswazah.
- 3.7 “**Universiti**” ertinya Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

## 4.0 LARANGAN TERHADAP PLAGIARISME

- 4.1 Kaedah 6, Kaedah-Kaedah Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 2009 menyatakan larangan terhadap plagiarisme seperti berikut:

6. (1) Seseorang pelajar tidak boleh memplagiat apa-apa idea, penulisan, data atau ciptaan orang lain.
- (2) Bagi maksud kaedah ini, plagiarisme termasuklah -
  - (a) perbuatan mengambil sesuatu idea, penulisan, data atau

ciptaan orang lain dan mendakwa bahawa idea, penulisan, data atau ciptaan itu adalah hasil dapatan ciptaannya sendiri; atau

- (b) suatu cubaan untuk menonjolkan atau perbuatan menonjolkan, dalam apa-apa cara, bahawa dia ialah sumber asal atau pencipta sesuatu idea, penulisan, data atau ciptaan yang adalah sebenarnya diambil daripada beberapa sumber lain.
- (3) Tanpa menjelaskan keluasan makna subkaedah (2), seseorang pelajar memplagiat apabila dia -
- (a) menerbitkan, atas namanya sendiri sebagai pengarang, suatu ringkasan, artikel, kertas saintifik atau akademik, atau buku yang keseluruhannya atau sebahagiannya ditulis oleh mana-mana orang lain;
  - (b) menggabungkan dirinya atau membenarkan dirinya digabungkan sebagai pengarang bersama sesuatu ringkasan, artikel, kertas saintifik atau akademik, atau buku, sedangkan dia tidak langsung membuat apa-apa sumbangan bertulis kepada ringkasan, artikel, kertas saintifik atau akademik, atau buku itu;
  - (c) memaksa orang lain untuk memasukkan namanya dalam senarai penyelidik bersama bagi sesuatu projek penyelidikan tertentu atau dalam senarai pengarang bersama bagi sesuatu penerbitan sedangkan dia tidak membuat apa-apa sumbangan yang boleh melayakkan dirinya menjadi penyelidik bersama atau pengarang bersama;
  - (d) memetik data akademik yang merupakan hasil penyelidikan yang dijalankan oleh mana-mana orang lain, seperti dapatan makmal atau dapatan kerja lapangan atau data yang diperoleh melalui penyelidikan perpustakaan, sama ada yang diterbitkan atau tidak diterbitkan, dan menggabungkan data itu sebagai sebahagian daripada penyelidikan akademiknya tanpa memberikan pengiktirafan yang sewajarnya kepada sumber asal;
  - (e) menggunakan data penyelidikan yang diperoleh melalui kerja usaha sama dengan mana-mana orang lain, sama ada atau tidak orang lain itu ialah anggota kakitangan atau pelajar Universiti, sebagai sebahagian daripada penyelidikan akademik peribadinya yang lain dan berbeza, atau bagi penerbitan atas namanya sendiri sebagai pengarang tunggal, tanpa memperoleh keizinan penyelidik bersamanya sebelum

memulakan penyelidikannya sendiri atau sebelum menerbitkan data itu;

- (f) menyalin idea atau ciptaan orang lain yang disimpan dalam apa-apa jua bentuk, sama ada bertulis, tercetak atau tersedia dalam bentuk elektronik, atau dalam bentuk slaid, atau dalam apa-apa jua bentuk pengajaran atau perkakas penyelidikan atau dalam apa-apa bentuk lain, dan mengaku sama ada secara langsung atau tidak langsung bahawa dia ialah pencipta idea atau ciptaan itu;
- (g) menterjemahkan hasil penulisan atau karya orang lain daripada satu bahasa ke dalam bahasa lain sama ada atau tidak secara keseluruhan atau sebahagian, dan kemudian mengaku bahawa terjemahan itu yang dibuat dalam apa-apa jua bentuk atau cara sebagai hasil penulisannya atau karyanya sendiri; atau
- (h) memetik idea daripada penulisan atau ciptaan orang lain dan membuat ubah suaian tertentu tanpa menyebut dengan sewajarnya sumber asal dan menyusunnya semula dengan apa-apa cara sehingga kelihatan seolah-olah dia ialah pencipta idea itu.

## **5.0 PROSEDUR PELAKSANAAN DAN TINDAKAN TATATERTIB**

- 5.1 Prosedur pelaksanaan tindakan tatatertib atas aduan terhadap plagiarisme ini adalah tertakluk kepada punca dan bidang kuasa yang diperuntukkan oleh Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, Perlembagaan UTHM, Kaedah-Kaedah Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 2009, Peraturan Pengajian Siswazah dan lain-lain peraturan yang sedang berkuatkuasa.
- 5.2 Sebagai satu usaha pencegahan dan bagi memastikan pelajar menyedari bahawa plagiarisme merupakan salah satu kesalahan yang boleh dikenakan tindakan, pelajar-pelajar dikehendaki menandatangani Surat Akujanji Pencegahan Plagiarisme semasa pendaftaran program pengajian.
- 5.3 Apa-apa aduan berkenaan plagiarisme hendaklah dimajukan ke Jawatankuasa Akademik Pengajian Siswazah Fakulti (JKPSF) yang dipengerusikan oleh Dekan Fakulti beserta dengan maklumat lengkap pengadu, orang yang diadu dan bukti pertuduhan.
- 5.4 Mesyuarat JKPSF akan bersidang untuk menentukan kesahihan aduan dan mengenalpasti sumber perbuatan plagiarisme tersebut. Setelah mesyuarat JKPSF diadakan di peringkat Fakulti dan jika pertuduhan mempunyai bukti yang kukuh, maka satu laporan bertulis hendaklah dikemukakan kepada urusetia Pihak Berkuasa Tatatertib Pelajar bagi tujuan siasatan dan pendakwaan selanjutnya mengikut prosedur dan bidang kuasa yang diperuntukkan di bawah Kaedah-Kaedah Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 2009.

## 6.0 HUKUMAN TATATERTIB

- 6.1 Kaedah 49, Kaedah-Kaedah Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 2009 menyatakan hukuman tatatertib kepada pelajar yang didapati bersalah seperti berikut:
49. Seseorang pelajar yang melakukan suatu kesalahan tatatertib dan didapati bersalah atas kesalahan itu boleh dikenakan mana-mana satu atau mana-mana gabungan dua atau lebih hukuman yang sesuai yang berikut :-
- (a) amaran;
  - (b) denda tidak melebihi satu ratus ringgit;
  - (c) dilarang berada atau memasuki mana-mana bahagian atau bahagian-bahagian tertentu Universiti bagi sesuatu tempoh yang ditetapkan;
  - (d) digantung daripada menjadi seorang pelajar Universiti bagi tempoh yang ditetapkan;
  - (e) dipecat dari Universiti.
- 6.2 Sekiranya didapati bersalah dan dijatuhkan hukuman, keputusan peperiksaan atau penilaian bagi kursus tersebut atau pengajian program yang telah disabitkan dengan kesalahan plagiarisme tersebut akan dirujuk kepada Jawatankuasa Pengajian Siswazah bagi tujuan pengesahan oleh Senat untuk tindakan berikut:
- a. Pelajar diarah membuat pembedaan/perubahan yang perlu dan mengemukakan semula tesis/disertasi dalam tempoh tertentu untuk diperiksa semula;
  - b. Memotong markah atau menurunkan gred pelajar; atau
  - c. Menggagalkan serta menamatkan pengajian pelajar.

## 7.0 DOKUMEN BERKAITAN

Dasar Pencegahan Plagiarisme bagi Pasca Siswazah adalah dibaca bersama dokumen-dokumen berikut:

- 7.1 Akta 30- Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971
- 7.2 Perlembagaan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
- 7.3 Kaedah-Kaedah Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (Tatatertib Pelajar) 2009
- 7.4 Peraturan Pengajian Siswazah
- 7.5 Peraturan Peperiksaan Akhir
- 7.6 Panduan Menulis Tesis UTHM
- 7.7 Lain-lain peraturan dan dokumen yang berkaitan yang diluluskan oleh Universiti.

Disediakan oleh :  
Pusat Pengajian Siswazah  
September 2013